



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SELASA, 25 MAC 2025



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	LEBIH 3,000 TASKA BERDAFTAR TERIMA PEMASANGAN PLAK SECARA PERCUMA		POSITIF
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/24/lebih-3000-taska-berdaftar-terima-pemasangan-plak-secara-percuma">https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/24/lebih-3000-taska-berdaftar-terima-pemasangan-plak-secara-percuma</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY	
BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	SEGERA BENTANG RUU WARGA EMAS, ELAK DASAR 'AD HOC', KATA PERSATUAN		POSITIF
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/03/24/segera-bentang-ruu-warga-emas-elak-dasar-ad-hoc-kata-persatuan/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/03/24/segera-bentang-ruu-warga-emas-elak-dasar-ad-hoc-kata-persatuan/</a>	FREEMALAYSITODAY.COM	
BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	PAHANG SAMBUT BAIK USAHA YAYASAN PETRONAS BANTU KELUARGA ASNAF		POSITIF
	<a href="https://bernama.com/bm/news.php?id=2405486">https://bernama.com/bm/news.php?id=2405486</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://pahangmedia.my/archives/45606">https://pahangmedia.my/archives/45606</a>	PAHANGMEDIA.MY	
BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	KEADAAN BANJIR 3 NEGERI SEMAKIN PULIH PAGI INI		POSITIF
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1376121/keadaan-banjir-3-negeri-semakin-pulih-pagi-ini">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1376121/keadaan-banjir-3-negeri-semakin-pulih-pagi-ini</a>	BHARIAN.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA MADANI

25/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	<b>IBU TUNGGAL AMBIL UPAH BERSIHKAN RUMAH UNTUK SARA KELUARGA, JAGA IBU BAPA SAKIT</b>		NEUTRAL
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1200370/ibu-tunggal-ambil-upah-bersihkan-rumah-untuk-sara-keluarga-jaga-ibu-bapa">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1200370/ibu-tunggal-ambil-upah-bersihkan-rumah-untuk-sara-keluarga-jaga-ibu-bapa</a>	HMETRO.COM.MY	
BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	<b>GEMPAR, MAYAT BAYI DALAM TANDAS WANITA STESEN MINYAK</b>		NEGATIF
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1376099/gempar-mayat-bayi-dalam-tandas-wanita-stesen-minyak">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1376099/gempar-mayat-bayi-dalam-tandas-wanita-stesen-minyak</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/738176">https://www.malaysiakini.com/news/738176</a>	MALAYSIAKINI.COM	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/719343/berita/semasa/panik-dapat-tahu-ada-mayat-dalam-mangkuk-tandas#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/719343/berita/semasa/panik-dapat-tahu-ada-mayat-dalam-mangkuk-tandas#google_vignette</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.mstar.com.my/global/dunia/2025/03/24/mayat-bayi-ditemukan-dekat-sungai-kesan-cedera-di-kemaluan">https://www.mstar.com.my/global/dunia/2025/03/24/mayat-bayi-ditemukan-dekat-sungai-kesan-cedera-di-kemaluan</a>	MSTAR.COM.MY	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=oRVNiWxYrGw">https://www.youtube.com/watch?v=oRVNiWxYrGw</a>	YOUTUBE	
	<a href="https://selangorkini.my/2025/03/mayat-bayi-ditemukan-dalam-mangkuk-tandas-stesen-minyak-sabak-bernam/">https://selangorkini.my/2025/03/mayat-bayi-ditemukan-dalam-mangkuk-tandas-stesen-minyak-sabak-bernam/</a>	SELANGORKINI.MY	
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/polis-siasat-3-individu-buru-suspek-buang-bayi-di-tandas/">https://www.buletintv3.my/nasional/polis-siasat-3-individu-buru-suspek-buang-bayi-di-tandas/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/719327/berita/semasa/tergamak-buang-mayat-bayi-dalam-mangkuk-tandas-stesen-minyak">https://www.sinarharian.com.my/article/719327/berita/semasa/tergamak-buang-mayat-bayi-dalam-mangkuk-tandas-stesen-minyak</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2025/03/mayat-bayi-dalam-mangkuk-tandas-stesen-minyak/">https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2025/03/mayat-bayi-dalam-mangkuk-tandas-stesen-minyak/</a>	UTUSAN.COM.MY	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/03/24/mayat-bayi-ditemui-dalam-tandas-wanita-di-stesen-minyak/">https://malaysiagazette.com/2025/03/24/mayat-bayi-ditemui-dalam-tandas-wanita-di-stesen-minyak/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1200282/mayat-bayi-ditemukan-dalam-tandas-wanita">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1200282/mayat-bayi-ditemukan-dalam-tandas-wanita</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/03/24/mayat-bayi-dalam-tandas-polis-ambil-keterangan-tiga-individu/">https://malaysiagazette.com/2025/03/24/mayat-bayi-dalam-tandas-polis-ambil-keterangan-tiga-individu/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/03/24/mayat-bayi-terlangkup-dalam-lubang-tandas-stesen-minyak/">https://www.kosmo.com.my/2025/03/24/mayat-bayi-terlangkup-dalam-lubang-tandas-stesen-minyak/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.thevibes.com/articles/news/106215/babys-body-found-in-womens-toilet-at-petrol-station">https://www.thevibes.com/articles/news/106215/babys-body-found-in-womens-toilet-at-petrol-station</a>	THEVIBES.COM	
	<a href="https://www.sinardaily.my/article/717319/focus/national/newborn-babys-body-found-in-petrol-station-toilet-in-sabak-bernam">https://www.sinardaily.my/article/717319/focus/national/newborn-babys-body-found-in-petrol-station-toilet-in-sabak-bernam</a>	SINARDAILY.MY	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/03/24/cops-hunting-for-2-women-after-babys-body-found-in-petrol-station-toilet/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/03/24/cops-hunting-for-2-women-after-babys-body-found-in-petrol-station-toilet/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/03/24/newborn-found-dead-in-toilet-of-sabak-bernam-petrol-station-after-pregnant-woman-seen-entering/170607">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/03/24/newborn-found-dead-in-toilet-of-sabak-bernam-petrol-station-after-pregnant-woman-seen-entering/170607</a>	MALAYMAIL.COM	
	<a href="https://worldofbuzz.com/body-of-infant-found-inside-toilet-bowl-at-selangor-gas-station-pdrm-on-the-hunt-for-suspects/">https://worldofbuzz.com/body-of-infant-found-inside-toilet-bowl-at-selangor-gas-station-pdrm-on-the-hunt-for-suspects/</a>	WORLDOFBUZZ.COM	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tergamak-buang-mayat-bayi-dalam-mangkuk-tandas-stesen-minyak-513715">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tergamak-buang-mayat-bayi-dalam-mangkuk-tandas-stesen-minyak-513715</a>	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	<b>BOMOH 'CABUL' TERPAKSA BERAYA DALAM LOKAP</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/03/24/bomoh-cabul-terpaksa-beraya-dalam-lokap/">https://www.kosmo.com.my/2025/03/24/bomoh-cabul-terpaksa-beraya-dalam-lokap/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1376249/kes-bomoh-muda-cabul-budak-ditetapkan-9-april">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1376249/kes-bomoh-muda-cabul-budak-ditetapkan-9-april</a>	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	<b>KERTAS SIASATAN DOKTOR BERKELAKUAN TIDAK SENONOH DIRUJUK KE BUKIT AMAN</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kertas-siasatan-doktor-berkelakuan-tidak-senonoh-dirujuk-ke-bukit-aman/">https://www.buletintv3.my/nasional/kertas-siasatan-doktor-berkelakuan-tidak-senonoh-dirujuk-ke-bukit-aman/</a>	BULETINTV3.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Lebih 3,000 taska berdaftar terima pemasangan plak secara percuma

© March 24, 2025, Isnin - 2:36pm



Nancy ketika sesi soal jawab lisan pada sesi jawab lisan ketika Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen ke-15 di Dewan Negara hari ini. - Gambar BERNAMA

KUALA LUMPUR: Persidangan Dewan Negara hari ini dimaklumkan bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan melaksanakan pemasangan Plak Taska Berdaftar secara percuma kepada lebih 3,000 premis yang berdaftar sebelum 31 Disember tahun ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata inisiatif itu dilaksanakan untuk menangani isu penderaan dan pengabaian kanak-kanak yang sering berlaku di taska tidak berdaftar.

“Plak ini mempunyai Kod QR yang boleh diimbas untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai pendaftaran taska tersebut dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Senator Datuk Sivaraj Chandran yang ingin tahu langkah kerajaan bagi memastikan keselamatan kanak-kanak di taska serta peningkatan pemantauan bagi mencegah kes penderaan kanak-kanak.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Sejara bentang RUU warga emas, elak dasar 'ad hoc', kata persatuan

Chia Wan Rou - 24 Mar 2025, 07:00 AM

Persatuan Penuaan Sihat Malaysia berkata akta itu penting sebagai payung sebelum Malaysia menjadi negara menua menjelang 2030.



FMT baru-baru ini melaporkan kisah golongan memerlukan termasuk warga emas diabaikan anak menanti bantuan makanan daripada NGO Food4U di Jalan Sayur, setiap Khamis.

**PETALING JAYA:** Kerajaan digesa menyegerakan pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Warga Emas bagi memastikan dasar berkaitan hak dan kebajikan golongan itu lebih tersusun sebelum negara mencapai status negara menua sepenuhnya menjelang 2030.

Naib Presiden Persatuan Penuaan Sihat Malaysia (MHAS) Dr Wong Teck Wee berkata akta tersebut amat diperlukan sebagai 'payung' kepada kementerian dan agensi kerajaan dalam merangka polisi lebih sistematik serta bersepadu.

"Misalnya, dasar berkaitan penjagaan kesihatan geriatrik, perumahan mesra warga emas, serta inisiatif komuniti inklusif untuk golongan berusia dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan sekiranya ada perundangan yang kukuh menyokongnya.

"Tanpa akta ini, banyak polisi hanya bersifat 'ad hoc' dan mungkin kurang berkesan dalam jangka panjang," katanya kepada FMT.

Beliau menegaskan penggubalan akta dapat menjadi asas perlindungan terhadap pelbagai bentuk pengabaian, penderaan dan diskriminasi dihadapi warga emas.

"Dalam konteks masyarakat moden hari ini, warga emas juga perlu dijamin hak mereka untuk menjalani kehidupan yang aktif, bermakna dan bermaruah," tambahnya.

Mengikut unjuran Jabatan Perangkaan, Malaysia bakal memegang status negara tua dalam tempoh tujuh tahun seiring trend global susulan peningkatan jangka hayat dan penurunan kadar kesuburan.

Berdasarkan takrifan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), sebuah negara dikategori sebagai tua apabila sekurang-kurangnya 15% daripada rakyatnya berusia 60 tahun ke atas.

Kini, dianggarkan 11.6% penduduk Malaysia pada lingkungan usia itu.

Pada Jun tahun lalu, Bernama melaporkan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Nancy Shukri berkata kerajaan masih menyiapkan RUU warga emas selain dasar khas untuk komuniti terbabit.

Baru-baru ini, FMT melaporkan kisah golongan memerlukan termasuk warga emas yang ada diantaranya diabaikan anak, menanti bantuan makanan daripada NGO Food4U di Jalan Sayur, Kuala Lumpur, setiap Khamis.

Penyelidik bebas dasar sosial Edwin Goh pula berkata sebarang penangguhan dalam pembentangan akta itu mencerminkan kekurangan dalam dasar penjagaan komprehensif yang perlu diatasi segera.

Menurutnya, RUU warga emas berpotensi mengubah paradigma ekonomi penjagaan daripada beban kebajikan kepada aset strategik negara.

"Tanpa akta ini, golongan 'generasi sandwich'—yang menanggung beban menjaga anak dan ibu bapa secara serentak—akan terus ditekan tanpa sokongan sistematik.

"Lebih membimbangkan norma masyarakat meletakkan tanggungjawab penjagaan kepada wanita akan terus menghambat kadar penyertaan tenaga kerja kumpulan itu sekali gus menjejaskan potensi mereka," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Pahang Sambut Baik Usaha Yayasan Petronas Bantu Keluarga Asnaf

🕒 24/03/2025 10:23 AM



Menteri Besar Pahang Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail beramah mesra sambil menyampaikan sumbangan kepada pengunjung yang terdiri daripada anak jati Pahang pada Majlis Penyerahan Baucar Moh Balik Raya Ke Pahang 2025 di Stadium Tiwangsa hari ini. -- fotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELIHARA

BENTONG, 24 Mac (Bernama) -- Pahang menyambut baik usaha Yayasan Petronas yang sudi menghulurkan bantuan kepada 400 ahli keluarga asnaf di negeri berkenaan menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Felda, Koperasi dan Usahawan Pahang Datuk Amizar Adam berkata inisiatif yayasan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) itu dilihat meneruskan tradisi menyemarakkan kemeriahan lebaran bersesuaian dengan temanya, Program Memacu Kehidupan: Hari Raya Aidilfitri.

"Alhamdulillah, pada hari ini Yayasan Petronas melaksanakan tanggungjawab sosialnya dengan mengagihkan bantuan berupa 400 pek perayaan kepada keluarga kurang berkemampuan di Pahang.

"Saya percaya, sumbangan berupa barang makanan asas dan kuih-muih ini membuktikan komitmen Yayasan Petronas yang amat luar biasa kerana memberi kegembiraan kepada keluarga asnaf menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Program Memacu Kehidupan Hari Raya Aidilfitri di Dewan Semai Bakti, Felda Kemasul di sini semalam.

Turut hadir Pengurus Besar Petronas Wilayah Pantai Timur Mohammad Ahmad Shazly Ramli dan Pengarah JKM Pahang Khairul Amri Ahmad.

Difahamkan, Program Memacu Kehidupan Hari Raya Aidilfitri itu bakal memberi manfaat kepada lebih 4,850 keluarga dan 21 rumah kebajikan dari seluruh negara, sekali gus membolehkan mereka merasai kemeriahan Aidilfitri bersama keluarga tersayang.

Justeru, Amizar berkata bagi pihak kerajaan negeri, beliau amat berbesar hati kerana Pahang antara negeri yang terpilih untuk menerima sumbangan berkenaan dan berharap, jumlah sumbangan itu ditingkatkan lagi pada masa hadapan.

Pada masa sama, beliau berkata terdapat khabar gembira buat warga Felda di seluruh negara termasuk Pahang dalam waktu terdekat ini.

"Kita tidak boleh umumkan sekarang tetapi perkara ini adalah untuk jangka masa panjang dan ada beberapa keputusan dasar melibatkan kerajaan negeri dan kerajaan pusat. Apa yang pasti, ia akan menggembirakan seluruh warga Felda dan akan diumumkan oleh Perdana Menteri pada bila-bila masa," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Keadaan banjir 3 negeri semakin pulih pagi ini



Oleh Mohd Nasaruddin Parzi - Mac 24, 2025 @ 9:23am



Mangsa banjir Muhammad Shahrudin Mohd Naser (kiri), 27, bersama adiknya Muhammad Sharul Aiman, 19, mengeluarkan perabot-perabot yang rosak akibat banjir besar yang melanda Johor 19 Mac lalu, ketika tinjauan di Kampung Pasir Tebrau semalam. - foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Keadaan banjir di Johor, Sarawak dan Sabah bertambah baik pagi ini apabila jumlah keseluruhan mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) turun kepada 5,090 orang berbanding 5,808 orang petang semalam.

Menurut portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah mangsa berkenaan membabitkan 1,539 keluarga yang masih ditempatkan di 35 PPS tiga negeri.

Di Johor, jumlah mangsa turun kepada 4,003 orang setakat jam 8.45 pagi ini, dengan 24 PPS masih dibuka untuk menempatkan 1,217 keluarga.

Lima daerah di Johor masih terjejas dengan Johor Bharu paling terjejas dengan 2,250 mangsa diikuti Pontian (828 orang); Kluang (481 orang); Batu Pahat (360 orang) serta 84 orang di Kota Tinggi.

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Johor juga sudah mengerahkan pam air di kawasan terjejas bagi mengeluarkan air bah yang bertakung, sekali gus mengurangkan banjir termenung.

Di Sarawak, jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di lapan PPS di Sibul, Bintulu, Miri dan Kapit juga menurun kepada 616 orang pada pagi ini, membabitkan 181 keluarga.

Sementara itu, satu-satunya daerah terjejas di Sabah iaitu di Beaufort membabitkan 471 orang dari 141 keluarga.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Ibu tunggal ambil upah bersihkan rumah untuk sara keluarga, jaga ibu bapa sakit

Abnor Hamizam Abd Manap  
am@hmetro.com.my



Jelebu: Pengalaman bekerja sebagai pekerja pembersihan digunakan Siti Nurul Aini Abd Rahman, 36, untuk mengambil upah membersihkan rumah di sekitar Kuala Klawang, terutama menjelang Aidilfitri.

Ibu tunggal kepada tiga anak yang masih bersekolah itu berkata, pekerjaan ini dilakukan kira-kira empat tahun lalu sebaik negara menjalani fasa kedua Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Ketika itu, ada dalam kalangan anak-anak yang tinggal di bandar atau luar kawasan tidak dapat balik dan mereka meminta bantuan saya membersihkan rumah yang dihuni ibu bapa, terutama yang uzur.

"Akhirnya, perkhidmatan pembersihan rumah ini mendapat banyak permintaan, terutama menjelang Aidilfitri," katanya ditemui.

Siti Nurul Aini berkata, kebiasaannya, dia dibantu beberapa rakan untuk membersihkan rumah pelanggan.

Katanya, dia perlu berusaha keras mencari pendapatan bagi kegunaannya dan keluarga, apatah lagi pada masa sama perlu menjaga kedua ibu bapa yang sakit.

"Pada hari biasa, ada juga permintaan namun kurang, malah ada kalanya tiada langsung.

"Jika tiada permintaan, saya akan menggantikan rakan-rakan yang bekerja sebagai pekerja pembersihan bercuti, jadi dapatlah upah, namun ia bukan selalu," katanya.

Siti Nurul Aini berkata, dia mengambil upah RM300 bagi tempoh lima jam dan upah itu dibahagi sama rata.

"Buat masa ini, itu sahaja kerja yang mampu saya lakukan. Saya tidak boleh bekerja secara tetap kerana ayah dan ibu memerlukan perhatian saya.

"Saya juga mendapat bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk tiga anak berjumlah RM600 selain RM300 daripada Baitulmal.

"Jika tiada permintaan untuk membersihkan rumah, hanya wang bantuan berkenaan yang ada untuk perbelanjaan keluarga," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : MAYAT BAYI TERLUNGKUP DALAM TANDAS

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 25 MAC 2025

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Amirul Aiman  
Hamsuddin  
am@hmetro.com.my

## Sungai Besar

Orang ramai yang berkunjung ke sebuah stesen minyak di Sungai Haji Dorani di sini, kelmarin gempar apabila menemukan mayat seorang bayi dalam keadaan terlungkup dalam tandas wanita, jam 11.15 pagi.

Ketua Polis Daerah Sabak Bernam Superintendan Md Yusof Ahmad berkata, ketika ini, pihaknya giat memburu suspek kes terbabit.

"Kamera litar tertutup (CCTV) berjaya merakam dua individu disyaki suspek yang terbabit dalam kejadian itu.

"Kami mendapati, ada pergerakan membabitkan seorang wanita yang sedang hamil ditemani seorang lelaki dalam tandas.

## Mayat bayi terlungkup dalam tandas

Dua suspek berjaya dirakam CCTV diburu polis

Ada pergerakan membabitkan seorang wanita yang sedang hamil ditemani seorang lelaki dalam tandas.

rang lagi wanita masuk ke dalam tandas.

"Kedua-dua suspek menaiki sebuah Perodua Bezza

biru, namun nombor pendaftaran masih dikesan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Terdahulu, menurut beliau, pegawai perubatan turut mengesahkan bahawa bayi berkenaan sudah meninggal dunia ketika ditemui.

Md Yusof berkata, kes disiasat mengikut Seksyen

318 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau dengan denda, atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kes ini diminta menghubungi Pegawai Penyiasat Inspektor Nor Aimi Lyana Mohd Khairani di talian 018-2510452.



MAYAT bayi yang ditemui terlungkup di tandas sebuah stesen minyak di Sungai Haji Dorani, Sungai Besar.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Bomoh 'cabul' terpaksa beraya dalam lokap

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN 24 Mac 2025, 3:35 pm



Muhammad Adiq Alqbab (tengah) keluar dari kamar mahkamah selepas menghadapi pertuduhan mencabul seorang budak perempuan 11 tahun di Mahkamah Sesyen Kemaman hari ini.

KEMAMAN – Seorang 'bomoh' muda yang berdepan pertuduhan mencabul seorang kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun pada dua bulan lalu terpaksa beraya di dalam lokap selepas Mahkamah Sesyen di sini hari ini menetapkan 9 April depan sebagai sebutan semula kes.

Tertuduh, Muhammad Adiq Alqbab Zanuddin, 20, yang berdepan tiga pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak tersebut mengekalkan pengakuan bersalah yang dibuatnya pada 13 Februari lalu.

Hakim Wan Suhaila Mohd. menetapkan 9 April depan sebagai tarikh sebutan semula selepas pihak pendakwaan membuat permohonan berkenaan berikutan rekod perubahan mangsa masih belum diperolehi.

Berdasarkan pertuduhan pertama, Muhammad Adiq Alqbab didakwa melakukan amang seksual fizikal dengan cara menyentuh alat sulit kanak-kanak itu bagi maksud seksual.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh dikenakan hukuman sebatan jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan kedua dan ketiga pula, dia didakwa melakukan amang seksual kontak fizikal tanpa persetujuan bagi maksud seksual terhadap mangsa.

Muhammad Adiq Alqbab didakwa mengikut Seksyen 14(d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang juga memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh dikenakan hukuman sebatan jika sabit kesalahan.

Ketiga-tiga perbuatan itu didakwa dilakukan tertuduh ke atas mangsa di sebuah rumah pada pukul 1 pagi, 31 Januari lalu.

Kosmo! 5 Februari lalu melaporkan bomoh muda terbabit didakwa melakukan perbuatan amang seksual fizikal berkenaan sewaktu merawat mangsa yang dikatakan terkena sihir. – KOSMO! ONLINE

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Kertas siasatan doktor berkelakuan tidak senonoh dirujuk ke Bukit Aman

© 24 Mac 2025, 4:17pm



*Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Hamzah Ahmad*

**GEORGE TOWN:** Kertas siasatan kes seorang doktor pakar forensik hospital kerajaan yang berkelakuan tidak senonoh sudah dirujuk kepada Bahagian Perundangan (D5), Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman.

Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Hamzah Ahmad, berkata pihaknya telah melengkapkan siasatan sebelum menghantarnya ke D5 Bukit Aman.

“Sebanyak tiga kertas siasatan dibuka berhubung kes ini dan kesemuanya sudah dirujuk kepada D5 Bukit Aman,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang, hari ini.

Sebelum ini, media melaporkan doktor pakar forensik itu direman kali kedua bagi membantu siasatan kes berkelakuan tidak senonoh terhadap pesakit wanita.

Tempoh tahanan reman doktor berusia 43 tahun itu berakhir pada 10 Mac, namun dia ditahan semula di Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut (IPDTL) selepas mangsa ketiga membuat laporan polis pada 7 Mac lalu.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Abdul Rozak Muhammad, berkata penahanan semula suspek bertujuan melengkapkan siasatan lanjut.

Bagaimanapun, tiada tahanan reman dibuat bagi kes ketiga itu.